

525:
HARUN

1975

MORIB, 1 MAC (BERNAMA)-ANGGOTA-ANGGOTA PERGERAKAN PEMUDA UMNO DIGESA MERAPAT DAN MENCEBURKAN DIRI DALAM SEMUA PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BELIA DI NEGARA INI.

KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA, DATO HAJI HARUN IDRIS BERKATA PENYERTAAN MEREKA ITU TILAH UNTUK MEMPASTIKAN PERSEFAHAMAN DAN TINDAKAN RASIONAL LAGI ADIL GOLONGAN BELIA.

KATANYA DENGAN MERAPATKAN DIRI DENGAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BELIA PEMUDA UMNO DAPAT MENYAKINKAN PEMIKIRANNYA KEPADA PARA BELIA YANG LAIN.

BELIAU MENYATAKAN INI SEMASA MERASMIKAN KURSUS POLITIK TIGA HARI PARA PEMIMPIN PERGERAKAN PEMUDA DAN WANITA UMNO DARI SELURUH NEGERI SELANGOR DI DEWAN SERI MORIB DI SINI HARI INI.-BERSAMBUNG HM 1423

526:
HARUN 2 MORIB

36

DATUK HARUN BERKATA PEMUDA UMNO HENDAKLAH BERUSAHA MEMECAHKAN MASAALAH-MASAALAH UMUM SEPERTI PEMBERANTASAN RASUAH DAN PEMBAGIAN HARTA YANG TIDAK ADIL SEBELUM MENYUARAKAN RASA TIDAK PUASHATI DAN MENGEMUKAKAN TUNTUTAN KEPADA KERAJAAN.

KATANYA MASAALAH-MASAALAH ITU KATANYA ADALAH JUGA BERGANTUNG KEPADA KESEDARAN MELUAS DI KALANGAN MASYARAKAT, LEBIH-LEBIH LAGI PARA PEMIMPIN BESAR DAN KECIL.

MENYENTUH TENTANG PERJUANGAN UMNO, BELIAU BERKATA PARTI ITU MEMPERJUANGKAN MASAALAH KEBANGSAAN, UGAMA DAN KEMAKMURAN NEGARA DALAM KONTEKS NEGARA BERBILANG KAUM.

DALAM USAHA MENUTUP JURANG PERBEZAAN KAUM, MASAALAH KEBANGSAAN MERUPAKAN KEUTAMAAN PERJUANGAN PEMUDA SEHINGGA TERUJUD SATU RUPABANGSA YANG BETUL-BETUL BERKESAN MELALUI BAHASA DAN KEBUDAYAAN YANG SATU KATANYA. -- BERSAMBUNG HM 1425

529:
HARUN 3 MORIB

DATO HARUN YANG JUGA MENTERI BESAR SELANGOR TELAH DIARAK OLEH SEPASUKAN 70 BUAH MOTOSIKAL PEMUDA UMNO KELANG DARI BANGUNAN UMNO, BANTING KE SERI MORIB.

DARI PINTU MASUK SERI MORIB BELIAU DIARAK DENGAN KOMPANG KE DEWAN.

KIRA-KIRA 150 ORANG PARA PEMIMPIN PERGERAKAN PEMUDA DAN WANITA UMNO MENYERTAI KURSUS TERSEBUT.

ANTARA YANG HADIR DI PERASMIAN KURSUS ITU TILAH MENTERI KEBAJIKAN AM DAN KETUA PERGERAKAN WANITA UMNO, HAJJAH AISHAH GHANI; TIMBALAN KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA DATO MOHAMAD RAHMAT DAN ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO MALAYSIA, TAN SRI JAAFAR ALBAR. -- BERNAMA HM 1433

568:

HARUN 4 MORIB (SAMBUNGAN BERITA 529)

SEMENTARA ITU, DALAM SATU KERTAS KERJA YANG DIBENTANGKAN DI KURSUS ITU, SEORANG AHLI MAJLIS TERTINGGI UMNO, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, PENUBUHAN BARISAN NASIONAL MERUPAKAN SATU KEMENANGAN BAGI UMNO.

PENUBUHAN TERSEBUT YANG MENGGABUNGAN BERBAGAI PARTI POLITIK DI NEGARA INI TELAH MEMBOLEHKAN BERBAGAI KEMAJUAN DICAPAI.

DR. MAHATHIR, JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA, KEDEWASAAN UMNO TELAH DAPAT MEMECAHKAN BEBERAPA MASAALAH NEGARA TERUTAMA MASAALAH PERKAUMAN.

KATANYA, POLITIK BERCORAK PERKAUMAN TIDAK DAPAT DITERIMA SEBALIKNYA DASAR BERKERJASAMA ANTARA SATU SAMA LAIN AMAT DIGALAKKAN.

TAMBAHNYA LAGI, UMNO SEBAGAI SATU BADAN POLITIK YANG MEMPUNYAI KUASA HENDAKLAH MENKAJI TAKTIK-TAKTIK POLITIK BERBILANG KAUM YANG UJUD BAGI MENCAPAI PERPADUAN YANG LEBIH STABIL.

''BERDASARKAN KEPADA SEJARAH PERGOLAKAN POLITIK YANG TELAH LAMPAU KITA HARUS BERHATI-HATI DALAM MENGHADAPI MASAALAH-MASAALAH YANG BOLEH MENIMBULKAN KERAGUAN KEPADA KAUM-KAUM LAIN DI NEGARA'' KATANYA. ---BERNAMA HM 1828